

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
25 OKTOBER 2016**

---

**1. UNITED NATIONS CONFERENCE ON HOUSING &  
*SUSTAINABLE URBAN DEVELOPMENT (HABITAT III)***

YBhg. Dato Yang Dipertua telah pun menghadiri *United Nations Conference On Housing And Sustainable Urban Development UN-Habitat III* di Quito, Ecuador pada 15 hingga 20 Oktober 2016. Konferens ini diadakan setiap 20 tahun dan kali ke dua diadakan adalah di Istanbul. Isu yang dibincangkan ialah mengenai 17 *Sustainable Development Goals (SDGs 17)* dan *New Urban Agenda (NUA)2030*.



NUA 2030 telah diterima pakai (*adopted*) termasuk Malaysia dan semua negara-negara lain yang telah menjadi ahli dalam United Nations pada 20 Oktober 2016. YBhg. Dato' Yang Dipertua telah pun dijemput sebagai pembentang kertas kerja dan *panelist* dalam dua belas (12) sesi seperti di **LAMPIRAN A**.

Di antara pandangan dan kesimpulan yang boleh dibuat oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua adalah seperti berikut:

- i. SDGs 17 dan SDGs 11 (*Make Cities And Human Settlements Inclusive, Safe, Resilient And Sustainable*) perlu diterjemahkan

kepada Pelan Tindakan di peringkat Nasional, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk MPSP. NUA 30 perlu difahami oleh semua peringkat samada peringkat Nasional, Negeri dan Tempatan juga.

- ii. Satu tatacara yang sistematik dalam pengawasan dan penilaian yang sistematik terhadap impak SDGs 11. Keperluan untuk meningkatkan peningkatan modal insan di semua peringkat.
- iii. Penambahbaikan kewangan.
- iv. MPSP sedang dalam penyediaan Draf Rancangan Tempatan (DRT) dan 17 SDGs terutama SDGs11 dan NUA 2030 perlu diambil kira dalam perancangan DRT nanti.

## **2. *GLOBAL HUMAN SETTLEMENTS OUTSTANDING CONTRIBUTION AWARD***

*The United Nations Conference On Housing And Sustainable Urban Development & The 11th Global Forum On Human Settlements* telah menganugerahkan kepada YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP "Global Human Settlements Outstanding Contribution Award" di atas segala usaha-usaha dan kesungguhan beliau dalam menjadikan

Seberang Perai sebuah bandar mampan. Majlis penyampaian anugerah tersebut telah diadakan pada 18 Oktober 2016 di Quito, Ecuador.

### **3. PENCAPAIAN MPSP BERKAITAN INOVASI**

Sukacita saya memaklumkan MPSP telah menerima beberapa anugerah inovasi seperti berikut:

i. **Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2016**

Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2016 telah diadakan pada 13 Oktober 2016 bertempat di Dewan Kristal KPKT, Putrajaya. Dalam majlis ini, MPSP telah berjaya tersenarai antara lapan (8) PBT yang terbaik dalam kategori Anugerah Inovasi Kerajaan Tempatan (AIPBT) 2016 dan telah menerima penghargaan sebanyak RM100,000.00. Majlis telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

PBT yang telah disenarai pendek bagi Anugerah Inovasi Kerajaan Tempatan (AIPBT) 2016 adalah :-

1. Dewan Bandaraya Kucing Utara
2. Majlis Bandaraya Ipoh
3. Majlis Perbandaran Alor Gajah
4. Majlis Perbandaran Ampang Jaya
5. Majlis Perbandaran Kemaman
6. Majlis Perbandaran Seberang Perai
7. Majlis Perbandaran Sepang
8. Perbadanan Putrajaya

ii. **KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK) 2016**

MPSP telah berjaya untuk mendapat Anugerah Persembahan Terbaik dalam Konvensyen KIK peringkat Negeri Pulau Pinang pada 8 September 2016 melalui Tajuk Projek Masalah Mengenalpasti Binaan Tanpa Kebenaran (*Freeriders*) Untuk Tujuan Kadaran oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. MPSP telah berjaya mendapat penghargaan sebagai Persembahan Terbaik Kumpulan KIK untuk tiga (3) tahun berturut-turut.

#### **4. MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBR)**

Sukacita dimaklumkan MPSP telah berjaya tersenarai dalam The Malaysia Book Of Records (MBR) di atas pencapaian Pihak Berkuasa Tempatan Pertama yang mendapat enam persijilan kualiti iaitu :-

- i. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS)
- ii. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 (EMS)
- iii. Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS)
- iv. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS)
- v. Sistem Pengurusan Berkualiti 5S (QEMS)
- vi. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO /IEC 27001: 2013

#### **5. INSPEKTORAT KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN 2016**

Dimaklumkan MPSP telah berjaya mendapat 5 Bintang di dalam Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan 2016 yang telah dijalankan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia pada 20 dan 21 Julai 2016.

## **6. SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2016**

Sukacita dimaklumkan, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah berjaya memenangi pertandingan Tandas Bersih bagi kategori Tandas Awam milik Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2016 yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri 2, bertempat di Mydin Mall, Jalan Baru. Bagi kategori yang dipertandingkan, MPSP telah berjaya memenangi hadiah seperti berikut:

- PERTAMA:** **TANDAS AWAM KOMPLEKS MAKANAN  
TAMAN SENTOSA, NIBONG TEBAL,  
SEBERANG PERAI SELATAN**
- SAGUHATI:** **i)TANDAS AWAM PASAR AWAM PENANTI,  
SEBERANG PERAI TENGAH  
ii)TANDAS AWAM KOMPLEKS MAKANAN  
TAMAN ROBINA, SEBERANG PERAI UTARA**

MPSP telah berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM2,000.00, sijil berserta trofi bagi Tempat Pertama serta sijil berserta trofi untuk Saguhati.

## **7. SEBERANG PERAI INTERNATIONAL CONFERENCE ON ECO-TOURISM AND CONSERVATIONS EFFORTS 2016 (SPICEC 2016)**

Untuk makluman semua, pada 23-25 November 2016, MPSP akan mengadakan *Seberang Perai International Conference On Eco-Tourism And Conservations Efforts 2016* (SPICEC 2016) yang merupakan konferen antarabangsa pertama yang dianjurkan oleh MPSP dimana konferen ini memberi tumpuan kepada usaha eko-pelancongan dengan tema *Mainstreaming Nature Conservation Through Eco-Tourism*. Konferen ini akan diadakan pada 23-25 November 2016 di The Light Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Objektif persidangan ini adalah untuk mewujudkan ruang kepada peserta industri, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk berkongsi pandangan, idea-idea dan strategi bagi menggalakkan industri eko-pelancongan dan juga pemuliharaan dalam eko-pelancongan. Para penceramah dari dalam dan luar negara akan berkongsi pengalaman, pengetahuan mereka dalam 3 sesi iaitu:

- *Session 1: Eco-Tourism in the Region*
- *Session 2: Promoting Conservation Efforts through Eco-Tourism*

- *Session 3: Bird Watching: Next Big Thing in Eco-Tourism Product*

## **8. OPERASI SERAHAN WARAN TAHANAN**

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa operasi serahan waran tahanan telah bermula pada 6 Oktober 2016 ke atas pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas tempoh yang telah ditetapkan.

Pemilik premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan dengan SEGERA bagi mengelakkan pemilik premis dikenakan waran tahanan dan sitaan harta alih oleh MPSP. Bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau secara online di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my)

Sila hubungi di talian 04-5497790/470/471 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

## **9. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI**

Kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada semua penganut Hindu yang bakal meraikannya pada 29 Oktober 2016 (Sabtu).

## **10. MPSP TOWER RUN 2016**

Dimaklumkan *MPSP Tower Run 2016* akan diadakan pada 11 Disember 2016 (Ahad) di bangunan iBu Pejabat MPSP, Bandar Perda. Tuan/puan adalah dijemput untuk hadir dan turut serta bagi memeriahkan lagi program tersebut.

## **11. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 6 November 2016 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 20 November 2016 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 27 November 2016 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan

dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**